BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK, UiTM

Universiti Teknologi MARA | Perpustakaan Tun Abdul Razak

# IQRA'

Bil. 6/2022
JUN
eISBN : 2735-1920




*Kunjungan Hormat PTAR Ke Atas Pengarah BHEI*
*PTAR SHAH ALAM - m/s 5*




*Program Transit Ilmu Bil. 2/2022*
*PTAR ALOR GAJAH - m/s 14*




*Program Penyediaan Profil Penyelidik*
*PTAR MACHANG - m/s 19*




*Gotong-Royong Pelupusan Perabot*
*PTAR PULAU PINANG - m/s 22*




*Program Read@UiTM PTAR Seri Iskandar 2022*
*PTAR SERI ISKANDAR - m/s 30*

## PROMOSI@PTAR







*Hak Cipta Terpelihara © 2022 Perpustakaan Tun Abdul Razak*

# LIVE@PTAR | SEMBANG SANTAI: FITNAH MEMBAWA PUNAH 15 JUN 2022

Disediakan oleh: Syaiful Hisyam Saleh




*Pada 15 Jun 2022 (Rabu), Perpustakaan Tun Abdul Razak, Kampus Seremban telah mengadakan program siaran langsung Sembang Santai yang bertajuk FITNAH MEMBAWA PUNAH.*

*Panel jemputan Ustaz Puaad Bin Osman, Penolong Pendaftar Kanan (Hal Ehwal Islam), UiTM Negeri Sembilan, Kampus Seremban.*

*Sembang Santai ini telah dikendalikan oleh pelajar daripada Persatuan PTAR Buddies Cik Amanina Atiqah binti Helmi selaku moderator program.*

*Antara perkongsian utama yang disampaikan panel jemputan adalah berkenaan kesan buruk perbuatan fitnah kepada individu dan masyarakat. Balasan di dunia dan di akhirat akibat dosa fitnah.*

*Di dalam program ini kita juga disajikan dengan sirah yang boleh dijadikan pengajaran dan pedoman berkaitan perbuatan fitnah. Ustaz Puaad juga berkongsi kaedah atau cara bagi kita menjauhkan diri daripada melakukan kesalahan fitnah.*








